

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N13 BERAPIT

Assalamualaikum dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan kerana memberi saya peluang untuk berucap di dalam dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, perbahasan saya pada kali ini akan jatuh di bawah kata kunci:

Pengurusan Sisa Pepejal Menjelang 2030

Sejajar dengan status Pulau Pinang sebagai negeri maju di dalam Malaysia yang mempunyai hasil dan pendapatan yang tinggi, pelaburan dalam dan luar negara antara tertinggi bagi tahun 2022, pendapatan perkapita rakyat agak membanggakan.

Sesuatu yang perlu diberi perhatian dan keazaman yang tinggi bersesuaian dengan pencapaian sebuah negeri maju, negeri industri dan negeri berteknologi tinggi.

Sistem Pengurusan Sisa Pepejal juga perlu kearah sedemikian. Persoalannya, bagaimana dan bilakah ia akan dilaksanakan?.

Adakah kerajaan Pulau Pinang masih selesa dengan kaedah sedia ada dimana negara maju sudah kedepan dalam Pengurusan Sisa Pepejal?

Mengambil contoh yang lebih realistik dengan Demografi Pulau Pinang, Singapura adalah yang paling hampir kebersamaanya dari segi latar belakang populasi penduduk, kemudahan infrastruktur awam dan perdagangan, industri pembuatan industri berteknologi tinggi. Cuma yang membezakan adalah sebuah negara dan sebuah negeri.

Pulau Pinang perlu mencabar diri sendiri untuk berjaya seperti Singapura terutamanya dalam pengurusan sisa pepejal dicerakinkan sejajar dengan keperluan industri 4.0. Pendekatan secara praktikal perlu untuk cita-cita ini.

Dengan tidak memanfaatkan sisa pepejal yang pada asalnya tidak menjana hasil lansung kepada kantung negeri adalah satu kerugian yang “Maha Dahsyat”. Sebenarnya sampah adalah wang ringgit, emas dan permata yang berselerakan, dunia telah membuktikan telah banyak lahirnya Jutaan Sampah terhasil apabila mereka bijak memanfaatkan sampah.

“Insinirator” adalah sesuatu yang perlu dipertimbangkan untuk dilaksanakan walaupun kos pembinaan dan pengurusannya amat tinggi tetapi impak dan kesesuaian teknologi tersebut dapat merungkai permasalahan utama kita disini iaitu tanah. Walaupun kita telah dan berjaya dalam pengurusan pengasingan sisa di punca tetapi ada perkara yang tidak mampu kita laksanakan secara holistik melainkan dengan teknologi insinirator.

Dengan memperkayakan teknologi ini mampu memberi pulangan yang akhirnya dinikmati oleh rakyat pembayar cukai sekaligus menukar bebanan pengurusan sisa pada asalnya menjadi hasil khususnya kepada kerajaan negeri.

Justeru itu, satu kajian menyeluruh dan serius dengan penuh keazaman perlu diterokai oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kelestarian Negeri ditahap maksimum untuk mengurangkan bebanan kewangan dalam Pengurusan Sisa Pepejal menjelang 2030.

Tambahan di sini, saya sertakan **3 soalan bertulis**:

- 1) Berapakah jumlah peruntukan dalam jumlah belanjawan tahunan yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2022?
- 2) Berapakah jangkaan peratusan & RM peningkatan kos pengurusan sampah pepejal setiap tahun berdasarkan jumlah perbelanjaan sebenar tahun 2022?
- 3) Apakah rancangan 10-15 tahun yang telah diambil oleh kerajaan tempatan untuk pengurusan sisa pepejal pengurusan sisa pepejal selain kaedah sedia

ada atau kearah merintis teknologi “Waste to Energy” (WtE) yang berteknologi tinggi serta mampu menyelesaikan masalah ketergantungan terhadap tapak pelupusan sampah Pulau Burung yang semakin mengecil sekaligus mampu menjana hasil atau pendapatan baru kepada negeri?

Saya mohon menyokong ucapan ini.

Nurul Ainul Fatiha Binti Saiful Azwan

N13 Berapit

Sidang Muda 2024

